

UM - 10 Jan 2006



## PM hadir majlis tahlil isteri, keluarga

KEPALA BATAS 9 Jan. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menghadiri majlis tahlil dan bacaan Yasin untuk Allahyarham isteri, Datin Seri Endon Mahmood; ibu, Datuk Kailan Hassan; bapa, Ahmad Badawi Abdullah dan datuknya, Abdullah Fahim.

Majlis bersempena malam sambutan Hari Raya Aidiladha itu diadakan di Masjid Al-Jamiul Badawi. Ia turut dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, pemimpin-pemimpin UMNO Pulau Pinang serta kira-kira 1,000 jemaah.

Tahlil dan bacaan Yasin itu diketuai imam masjid terse-

but, Datuk Abdul Rahim Bakar.

Abdullah yang tiba di rumahnya untuk menyambut Hari Raya Aidiladha turut menziarahi kubur ibu, bapa dan datuknya di pekarangan masjid berkenaan.

### Menerima

Abdullah dalam ucapannya sebelum majlis tahlil mengucapkan terima kasih kepada jemaah yang menyertai majlis itu yang diadakan hampir 100 hari kepulangan ke rahmatullah Endon Mahmood.

“Mudah-mudahan Allah menerima dan memakbulkan doa kita,” katanya yang

turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada jemaah.

Esok, Abdullah akan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid al-Jamiul Badawi yang terletak kira-kira 50 meter dari rumahnya di sini.

Perdana Menteri akan turut meluangkan masa bera-mah mesra dengan penduduk setempat serta menyaksikan penyembelihan beberapa ekor lembu di tiga buah masjid di sekitar kawasan Parlimen Kepala Batas.

Masjid yang akan dilawati Abdullah ialah Masjid Permatang Kuang, Masjid Bakar Kapor dan Masjid Kubang Menerong, Pulau Tenggul.

ABDULLAH Ahmad Badawi berdoa di pusara ibunya sebelum menghadiri pada majlis tahlil dan bacaan Yasin untuk Allahyarham Endon Mahmood, ibu, bapa dan datuknya di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang, malam tadi.